

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian menyediakan bantuan atau insentif khas kepada pengusaha Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA) swasta yang turut terkesan akibat pandemik COVID-19 di mana mereka tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung pertanyaan **Yang Berhormat Hulu Selangor**, di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA), Kerajaan turut menyediakan **insentif khas kepada pengusaha Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) swasta** yang turut terkesan akibat pandemik COVID-19 sebagai inisiatif meringankan beban pengusaha TADIKA swasta untuk membuka semula operasi mereka. Pengusaha TADIKA swasta yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) akan menerima geran secara sekali bayar (*one-off*) sebanyak RM5,000. Bagi pengusaha TADIKA yang tidak berdaftar dengan KPM akan menerima geran *one-off* sebanyak RM3,000 sekiranya pendaftaran TADIKA mereka dibuat sebelum 31 Oktober 2020.
2. Namun begitu, pengusaha TADIKA yang menggajikan pekerja boleh membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan seperti berikut:

(i) **Program Subsidi Upah (PSU)**

Program ini adalah bertujuan untuk membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Tempoh PSU pada mulanya adalah untuk 3 bulan bermula pada 1 April 2020 dan telah dilanjutkan lagi untuk tempoh tiga (3) bulan di bawah PENJANA. Bantuan PSU adalah berdasarkan kepada tiga kategori saiz perusahaan.

(ii) **Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive Programme*)**, Bantuan Mobiliti dan Program Latihan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Program ini adalah bertujuan untuk merangsang pengambilan pekerja oleh majikan, di samping itu meningkatkan **kebolehpekerjaan** seseorang pekerja melalui latihan/latihan semula.

3. Program-program **di bawah PENJANA** untuk merangsang pengambilan pekerja oleh majikan adalah seperti berikut:

- (i) Program *MyApprentice* - keutamaan diberi kepada graduan baharu atau *fresh graduate* atau pelajar lepasan sekolah;
- (ii) Program *HireMalaysia* - pengambilan pekerja tempatan di bawah umur 40 tahun dan berumur 40 tahun ke atas;
- (iii) Insentif Pengambilan Pekerja Tempatan dari golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan peserta Program *Return to Work* PERKESO;
- (iv) Bantuan Mobiliti secara *one-off* kepada pekerja yang berpindah dari lokasi tempat bermastautin ke tempat kerja baharu.
- (v) Program latihan untuk pekerja berdasarkan keperluan majikan; dan
- (vi) Portal *MYFutureJobs* iaitu portal pekerjaan membantu majikan dan pencari kerja mendapatkan pekerjaan.

Sekian, terima kasih.